

# Enam beranak 'dikejutkan' ribut

**SUNGAI HAJI DORANI** - Enam beranak yang tidur dikejutkan dengan air hujan apabila bumbung rumah mereka tercabut akibat ribut, pagi semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 1.30 pagi itu, Mohd Dari Anwar, 57, bersama isteri dan empat anaknya tidur di ruang tamu rumah sebelum menyedari bumbung tepat mereka tidur hilang.

Mohd Dari ditemui berkata, keadaan itu menyebarkan mereka sekeluarga lari menyelamatkan diri ke rumah berhampiran.

Menurutnya, selain kerosakan bumbung, bantal, tilam dan selimut yang digunakan juga basah akibat hujan.

"Sewaktu kejadian, anak-anak masih tidur sementara saya dan isteri sudah berjaga-jaga, bimbang dengan

keadaan ribut akan memberi kesan kepada rumah.

"Tetapi tidak disangka jangkakan itu tepat apabila secara tiba-tiba lebih 50 keping zink terangkat dan terkuak membuatkan kami lari menyelamatkan diri," katanya ketika ditemui di kediamannya di Tebuk Marso di sini, semalam.

Bagaimanapun, Mohd Dari berkata, semua ahli keluarga terselamat tanpa sebarang kecederaan.

Keadaan hampir sama turut menimpa jiran mereka, Saari Wahidin, 77, yang mengalami kerosakan bumbung di bahagian dapur.

Sementara itu, di Parit 1 Sungai Panjang pula, seorang petani, Mohd Khafidz Mohamad Yusof mengalami kerugian hampir RM10,000 apabila keseluruhan bumbung rumahnya, kecuali bahagian dapur hilang di-

**50 zink**



● Mohd Dari bersama keluarganya membersihkan ruang tamu yang dijadikan tempat tidur semasa ribut, semalam.

terbangkan angin ribut.

Menurutnya, zink bahagian hadapan rumah yang baru sahaja dipasang dua minggu lalu turut musnah.

"Kejadian berlaku kira-kira 1.50 pagi dan hanya disedari setelah mendapati tingkat atas rumah bocor menyebabkan air bertakung," katanya.

Selain kawasan penempatan, ribut semalam turut menumbangkan khemah-khemah yang dipasang untuk acara program dan majlis kenduri.